Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2025, Volume 10, Issue 8, e003450
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i8.3450

RESEARCH ARTICLE

Tahap Kecerdasan Emosi dan Prestasi Kerja Guru Matematik Zon Tenggara Sabah

(Level of Emotional Intelligence and Teaching Performance Among Mathematics Teachers in Southeast Sabah)

Abdul Rahman Tanjilul[1*], Mohd Khairuddin Abdullah[2]
Mohammad Azri Amatan[3]

[1]Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: abdulrahmantanjilul69@gmail.com
[2]Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: khair@ums.edu.my
[3]Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.
Email: azri.amatan@fsk.upsi.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Abdul Rahman Tanjilul
(abdulrahmantanjilul69@gmail.com)

KATA KUNCI:
Kecerdasan Emosi
Prestasi Kerja
Guru Matematik
Sekolah Menengah

KEYWORDS:
Emotional Intelligence
Work Performance
Mathematics Teacher
Secondary School

CITATION:
Abdul Rahman Tanjilul, Mohd Khairuddin Abdullah, & Mohammad Azri Amatan. (2025). Tahap Kecerdasan Emosi dan Prestasi Kerja Guru Matematik Zon Tenggara Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 10*(8), e003450. https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i8.3450

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kecerdasan emosi dan prestasi kerja dalam kalangan guru matematik sekolah menengah zon tenggara negeri Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan dan teknik pensampelan bertujuan, kajian ini melibatkan seramai 226 guru dari Pejabat Pendidikan Daerah Tawau, Lahad Datu, Semporna, dan Kunak. Data diperoleh melalui soal selidik yang mengadaptasi instrumen skala *Prestasi Kerja, dan Multifactor Emotional Intelligence Scale (MEIS)*. Analisis deskriptif dianalisis menggunakan *Statistical Program Social Science (SPSS).* Hasil kajian mendapati kecerdasan emosi dan prestasi kerja berada pada tahap sederhana. Dapatan analisis deskriptif ini menunjukkan guru mempunyai motivasi yang tinggi serta keupayaan yang baik dalam mengendalikan hubungan dan memahami emosi orang lain. Walaupun aspek intrapersonal memerlukan perhatian lanjut, guru-guru tersebut telah mencapai tahap yang baik dalam kecerdasan emosi interpersonal. Dari aspek prestasi kerja, kajian ini mendapati bahawa pengiktirafan memberi kesan penting terhadap keyakinan dan kepuasan kerja guru. Meskipun guru Matematik di Zon Tenggara Sabah menunjukkan keyakinan tinggi dalam pengetahuan teori, terdapat ketidakpuasan terhadap penilaian hasil kerja oleh pihak pentadbiran.

ABSTRACT

This study aims to examine the level of emotional intelligence and work performance among secondary school

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mathematics teachers in the southeastern zone of Sabah. This study uses a survey approach and purposive sampling technique, involving 226 teachers from the Tawau, Lahad Datu, Semporna, and Kunak District Education Offices. The data was obtained through a survey that adapted the Work Performance Scale and the Multifactor Emotional Intelligence Scale (MEIS) instruments. Descriptive analysis was conducted using the Statistical Program for Social Science (SPSS). The study found that emotional intelligence and work performance were at a moderate level. The findings of this descriptive analysis show that teachers have high motivation and good ability to manage relationships and understand others' emotions. Although the intrapersonal aspect requires further attention, the teachers have achieved a good level of interpersonal emotional intelligence. From the aspect of work performance, this study found that recognition has a significant impact on teachers' confidence and job satisfaction. Although mathematics teachers in the Southeast Zone of Sabah show high confidence in theoretical knowledge, there is dissatisfaction with the evaluation of work results by the administration.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang bukti empirikal tentang hubungan kecerdasan emosi dan prestasi kerja guru matematik di Zon Tenggara Sabah iaitu konteks unik yang belum diterokai.

1. Pengenalan

Kajian ini menekankan kepentingan utama kemahiran profesional pendidik Matematik sebagai elemen penentu dalam mencapai objektif pembangunan sistem pendidikan negara. Seperti yang diperdebatkan oleh Barber dan Mourshed (2007), kualiti pengajaran yang unggul berfungsi sebagai teras fundamental dalam membina kejayaan sesebuah institusi pendidikan. Namun, penilaian terhadap dapatan kajian perlu dilaksanakan secara komprehensif dengan mengambil kira pelbagai elemen persekitaran, terutamanya perbezaan keadaan infrastruktur pembelajaran di sekolah-sekolah Sabah yang mungkin mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan kaedah pengajaran Matematik.

Kajian ini memberikan tumpuan utama kepada peranan kecerdasan emosi dalam meningkatkan kompetensi profesional guru, sekaligus tidak mengabaikan analisis komprehensif terhadap kepentingan faktor-faktor penyokong seperti bimbingan pengurusan sekolah dan kecukupan prasarana pendidikan. Seperti yang diperkatakan oleh Anthony dan Walshaw (2023), guru Matematik pada masa kini perlu lebih proaktif dalam membentuk pelajar yang mempunyai kemampuan belajar secara autonomi, mengamalkan konsep pembelajaran sepanjang hayat, serta memiliki daya saing yang tinggi di peringkat global, sekaligus melahirkan generasi yang aktif dan kompetitif dalam bidang akademik.

Dalam landskap pendidikan Malaysia, prestasi akademik pelajar dalam subjek Matematik masih belum menepati standard yang diinginkan. Fenomena penguasaan Matematik yang lemah ini mempunyai korelasi yang signifikan dengan kualiti pengajaran guru yang kurang memuaskan. Seperti yang dibincangkan oleh Brackett et al. (2011), pelbagai isu

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

berkaitan prestasi profesional guru Matematik sering kali berpunca daripada beberapa faktor utama, khususnya yang berhubung kait dengan dimensi sikap guru dari perspektif kecerdasan emosi dan kognitif. Kedua-dua aspek ini kerap menjadi tumpuan utama dalam penyelidikan lepas ketika menganalisis cabaran pengajaran, termasuk aspek pengurusan pedagogi, pengawalan tingkah laku pelajar, serta integrasi teknologi pendidikan dalam bilik darjah.

Walaupun aspek kecerdasan emosi prestasi kerja guru telah banyak dikaji dalam literatur terdahulu, namun bidang pendidikan Matematik di Sabah khususnya masih mempunyai dimensi-dimensi penting yang belum diselidiki secara menyeluruh oleh para penyelidik. Keadaan ini menyebabkan wujudnya pelbagai persoalan akademik yang masih memerlukan penjelasan, terutamanya mengenai interaksi dan impak pemboleh ubah efikasi kendiri terhadap prestasi profesional guru (Ugwuanyi et al., 2020). Justeru, penyelidikan ini amat signifikan untuk mengkaji secara khusus hubungan antara tahap kecerdasan emosi dengan pencapaian kerja guru-guru Matematik.

1.1. Permasalah Kajian

Pianta et al. (2008) menegaskan bahawa kompetensi pengajaran guru mempunyai korelasi langsung dengan kemampuan pengelolaan pedagogi dalam persekitaran bilik darjah, terutamanya melalui interaksi verbal dan nonverbal yang bertujuan untuk mengoptimumkan proses pembelajaran murid. Secara fundamental, peningkatan kekerapan dan kualiti interaksi antara guru dengan pelajar semasa sesi pengajaran merupakan prasyarat penting untuk memastikan penyertaan aktif pelajar dalam proses pembelajaran (Wang et al., 2014). Nye et al. (2004) pula menyimpulkan bahawa meskipun pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh pelbagai faktor multidimensional, namun peranan guru tetap mengekalkan pengaruh yang paling signifikan dan dominan terhadap keberhasilan pembelajaran pelajar.

Penyelidikan yang dijalankan oleh Marzano et al. (2003) mengesahkan bahawa kompetensi pedagogi pendidik dalam penyampaian kandungan kurikulum sama ada dalam konteks keseluruhan kelas, pembelajaran berkumpulan mahupun pengajaran individu menunjukkan kaitan yang signifikan dengan peningkatan pencapaian akademik pelajar. Kajian tersebut juga menegaskan bahawa pengurusan efektif persekitaran pembelajaran oleh guru, merangkumi penetapan ekspektasi yang jelas, pelaksanaan rutin yang sistematik, serta pengoptimuman penggunaan masa pengajaran, merupakan komponen kritikal yang menyumbang kepada kejayaan holistik pengelolaan bilik darjah (Marzano et al., 2003).

Berdasarkan laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2010), profil kompetensi pedagogi pendidik di Malaysia menunjukkan taburan pencapaian yang terdiri daripada 52% berada pada paras minimum, 31% mencapai tahap sederhana, dan hanya 12% yang mencatatkan prestasi tinggi. Data ini membuktikan bahawa secara keseluruhannya, kualiti pengajaran di negara ini masih belum mencapai tahap optimum dan memerlukan peningkatan menyeluruh dalam pelbagai dimensi profesionalisme keguruan.

Dalam menangani isu kompetensi pengajaran guru Matematik, Negeri Sabah perlu melaksanakan inisiatif yang lebih komprehensif bagi meningkatkan kualiti profesional pendidik melalui penerapan pendekatan pedagogi berasaskan keperluan pendidikan kontemporari abad ke-21. Berdasarkan perspektif kajian ini, transformasi sistem pendidikan selaras dengan tuntutan abad ke-21 hanya dapat direalisasikan sekiranya

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

tahap profesionalisme guru berjaya ditingkatkan secara optimum dan berkesinambungan di peringkat institusi pendidikan (Fullan & Langworthy, 2014).

Dapatan kajian Boaler (2015) turut mengukuhkan pandangan ini dengan menjelaskan bahawa kelemahan kompetensi profesional guru Matematik dari sudut budaya pemikiran kritis, daya kreativiti, dan kemampuan berinovasi masih berleluasa ekoran daripada pendekatan pengajaran yang terlalu berorientasikan prosedur rutin serta terlalu menumpukan kepada penguasaan algoritma semata-mata untuk tujuan kelulusan peperiksaan. Hal ini berpunca daripada pencapaian penguasaan konsep Matematik yang berada di bawah tahap memuaskan dalam kalangan murid di Malaysia, seperti yang dibuktikan dalam kajian Leong et al. (2015).

Kajian yang dijalankan oleh Ertmer dan Ottenbreit (2013) menegaskan kedudukan strategik guru sebagai pelaksana utama dalam penerapan teknologi pendidikan sekaligus berperanan sebagai penggerak utama dalam memacu pembaharuan dalam sistem pendidikan. Hasil penyelidikan terkini Backfisch et al. (2021) pula memperkukuhkan pandangan ini dengan menjelaskan bahawa pelaksanaan berkesan integrasi teknologi dalam pengajaran memerlukan penguasaan tiga aspek fundamental dalam kalangan pendidik iaitu kemahiran pedagogi, penguasaan kandungan subjek yang mendalam, serta kecekapan teknikal dalam penggunaan alat teknologi pendidikan.

Hasil kajian saintifik membuktikan bahawa kekurangan tahap kecerdasan emosi (EQ) dalam kalangan guru secara ketara merencatkan kemampuan mereka menguruskan masalah tingkah laku pelajar yang mengganggu dalam persekitaran pembelajaran (Burić & Kim, 2021). Respons emosi negatif yang ditunjukkan oleh pendidik bukan sekadar tidak berkesan dalam menangani isu disiplin, malah boleh mengakibatkan implikasi buruk seperti pengasingan diri pelajar daripada penyertaan aktif dalam proses pembelajaran. Seperti yang ditegaskan oleh Corcoran dan Tormey (2013), penguasaan emosi pendidik memainkan peranan penting dalam sistem pengajaran, terutamanya dalam aspek pengawalan disiplin pelajar bagi menjamin kelancaran pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Sepertimana yang dihuraikan oleh Jennings dan Greenberg (2009), pengelolaan persekitaran pembelajaran yang efektif memerlukan penguasaan kompetensi sosial yang tinggi bagi menguruskan kerumitan interaksi manusia dan masalah pengurusan tingkah laku. Marzano et al. (2003) juga menyokong pandangan ini dengan mengakui bahawa tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar merupakan salah satu rintangan paling kompleks yang perlu diatasi oleh pendidik dalam amalan profesional mereka.

Ketidakcukupan kecerdasan emosi dalam kalangan pendidik untuk menyesuaikan diri dengan cabaran dan halangan pengajaran menyebabkan mereka lebih cenderung untuk terus menggunakan kaedah serta pendekatan pengajaran yang bersifat tradisional. Antara rintangan utama yang perlu diatasi oleh guru ialah membina hubungan yang mesra dan saling mempercayai dengan pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Satu analisis meta oleh Marzano et al. (2003) yang menyelidik hubungan antara pengurusan bilik darjah, pencapaian akademik, dan tingkah laku pelajar telah membuktikan bahawa pengurusan kelas yang efektif mampu meningkatkan prestasi pembelajaran secara signifikan. Tambahan pula, kekurangan kecerdasan emosi dalam kalangan guru Matematik sering dikaitkan dengan ketidakmampuan mereka untuk mendapatkan maklum balas konstruktif daripada pelajar berkenaan proses

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pembelajaran, yang seterusnya mempengaruhi kompetensi pengajaran guru serta pencapaian akademik pelajar (Ghanizadeh & Moafian, 2010).

1.2. Objektif Kajian

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menganalisis tahap kecerdasan emosi serta tahap prestasi kerja dalam kalangan pendidik Matematik di sekolah menengah di Kawasan Tenggara Sabah berdasarkan konstruk yang ditetapkan.

2. Sorotan Literatur

2.1. Kecerdasan Emosi

Konsep 'kecerdasan emosi' mula-mula diperkenalkan pada tahun 1990 oleh dua orang ahli psikologi terkemuka, iaitu Peter Salovey dari Universiti Harvard dan John Mayer dari Universiti New Hampshire, bagi menerangkan atribut emosi yang kritikal dalam menentukan kejayaan seseorang individu. Seperti yang dijelaskan oleh Mayer et al. (2008), kecerdasan emosi atau EQ merujuk kepada satu set kompetensi sosial yang melibatkan kebolehan untuk mengenal pasti, memproses, dan mengawal emosi diri sendiri serta orang lain, seterusnya menggunakan maklumat tersebut untuk memandu proses kognitif dan tingkah laku. Kecerdasan emosi bersifat dinamik dan boleh berkembang melalui pengaruh persekitaran, menunjukkan bahawa faktor persekitaran dan didikan keluarga memainkan peranan penting dalam pembentukan kecerdasan emosi seseorang.

Istilah "emosi" berakar umbi daripada perkataan Latin "*Movere*" yang membawa maksud pergerakan atau tindakan, dengan penambahan awalan "e" yang memberi implikasi "pergerakan keluar", menunjukkan bahawa kecenderungan untuk beraksi merupakan komponen asas dalam konsep emosi (Plutchik, 2001). Setiap bentuk emosi berfungsi sebagai pendorong kepada tindakan, mekanisme adaptasi segera untuk menangani cabaran yang dihadapi melalui proses evolusi, sambil melibatkan keadaan fisiologi dan psikologi serta pola kecenderungan tingkah laku. Secara klasifikasinya, emosi boleh dikategorikan kepada beberapa jenis utama termasuk kemarahan, dukacita, ketakutan, kegembiraan, kasih sayang, kejutan, kekesalan, dan rasa malu (Ekman, 1992).

Dalam disiplin psikologi, kajian mengenai emosi masih merupakan bidang yang belum diterokai secara menyeluruh. Hal ini dapat dibuktikan melalui ketiadaan definisi yang konkrit dan muktamad berkenaan konsep emosi itu sendiri. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh sarjana psikologi untuk memberikan takrifan tentang emosi, namun sehingga kini masih wujud kekaburan dalam membezakan antara pelbagai definisi emosi yang dikemukakan. Berdasarkan Frijda (1986), emosi boleh difahami sebagai suatu keadaan yang melibatkan aspek fisiologi dan psikologi, serta pola kecenderungan tingkah laku tertentu. Pada hakikatnya, emosi berfungsi sebagai pendorong kepada tindakan dan kebiasaannya merupakan respons terhadap rangsangan luaran mahupun dalaman individu.

Perbezaan utama antara afeksi dan emosi dapat dilihat daripada sifat hubungan serta kesannya terhadap seseorang individu. Afeksi ditakrifkan sebagai kecenderungan seseorang untuk memberi tindak balas terhadap sesuatu fenomena, sama ada dalam bentuk positif atau negatif. Sebaliknya, emosi melibatkan perubahan fisiologi yang seterusnya mempengaruhi proses kognitif individu. Oleh itu, emosi mempunyai pengaruh

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

yang signifikan dalam kehidupan seharian kerana ia mampu mendorong tingkah laku, sama ada dengan mengukuhkannya atau mengganggu corak tingkah laku sedia ada.

Berdasarkan kajian Cherniss (2000), emosi dapat dibahagikan kepada tiga kategori utama: ketakutan, kemarahan, dan kasih sayang. Variasi emosi yang wujud mampu menggerakkan individu untuk memberikan respons atau menunjukkan tingkah laku tertentu terhadap pelbagai rangsangan. Konsep kecerdasan sosial mula-mula diperkenalkan oleh Thorndike (1913) pada awal kurun kedua puluh, yang mendefinisikannya sebagai kebolehan seseorang untuk memaham serta menyesuaikan diri dengan sikap dan perlakuan individu lain dalam konteks hubungan sosial. Berdasarkan Thorndike (1920), kompetensi sosial ini merupakan elemen kritikal yang mempengaruhi pelbagai dimensi kehidupan, tidak terkecuali dorongan intrinsik, tahap kepuasan profesional, dan peningkatan output kerja.

Pengembangan konsep ini dilanjutkan oleh Gardner (2000) menerusi teori kepelbagaian kecerdasan (*multiple intelligences*), yang memperluaskan takrifan kecerdasan sosial kepada dua komponen asas, yakni kecerdasan intarpersonal dan kecerdasan intrapersonal. Kerangka teori Gardner (2000) ini turut berperanan penting dalam memperkukuh landasan teori kecerdasan emosi (*emotional intelligence*) yang kemudian mencapai kemasyhuran yang lebih meluas dalam bidang psikologi.

Dalam karya monumentalnya, *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*, Goleman (2005) menegaskan bahawa penguasaan dalam pengurusan emosi dan hubungan interpersonal memberikan impak yang lebih signifikan berbanding kecerdasan intelek (IQ) tunggal dalam meramalkan kejayaan individu. Penulis tersebut menekankan bahawa kompetensi dalam memahami emosi diri dan orang lain, di samping kecekapan mengawal selia interaksi sosial, merupakan komponen penting yang menyumbang secara holistik kepada kecemerlangan baik dalam aspek peribadi mahupun kerjaya.

Goleman (2001) telah menggariskan lima komponen utama yang menjadi teras kepada kecerdasan emosi (EQ), iaitu kesedaran diri, pengawalan emosi, dorongan intrinsik, kepekaan terhadap perasaan orang lain, dan kompetensi interpersonal. Penekanan diberikan bahawa penguasaan terhadap kemahiran emosi dan sosial ini merupakan asas utama dalam mencapai kecemerlangan profesional pada masa depan.

Model konseptual kecerdasan emosi yang diperkenalkan oleh Goleman (2001) telah mencetuskan minat yang signifikan dalam kalangan sarjana bidang pendidikan. Beberapa penyelidik terkemuka termasuk Cohen (2018) serta Asyari (2016) telah mengaplikasikan dan mengembangkan kerangka ini dalam konteks Pembelajaran Sosioemosi (SEL), dengan menitikberatkan peranannya dalam membangunkan potensi pelajar secara menyeluruh. Sementara itu, Peterson (2006) menghuraikan pendekatan sosiologi yang memandang emosi sebagai entiti yang tidak terpisah daripada konstruk sosial. Menurut beliau, kajian mengenai emosi harus mempertimbangkan tiga aspek fundamental iaitu stratifikasi sosial dalam masyarakat, variasi konteks kemasyarakatan, dan kekhususan latar budaya yang membentuk ekspresi emosi.

Melalui penelitian yang lebih mendalam, Barbalet (2011) dan Stets (2006) telah menyelidik hubungan saling bergantung antara pergerakan emosi dengan realiti kemasyarakatan, termasuk dalam konteks sistem pendidikan. Dapatan kajian mereka mengemukakan kerangka pendekatan holistik dalam pelaksanaan pendidikan emosi yang meliputi tiga aspek penting iaitu penyatuan kompetensi emosi dalam pendekatan

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pengajaran di ruang pembelajaran, pembinaan budaya sekolah yang memupuk kematangan emosi positif, serta penglibatan aktif komuniti luar sekolah dalam mewujudkan ekosistem yang menyokong perkembangan sosioemosi pelajar.

Pada skala antarabangsa, pelaksanaan program kecerdasan emosi telah mencatatkan kemajuan yang positif. Satu kajian longitudinal berskala besar yang dijalankan oleh OECD (2019) melibatkan sembilan negara telah menghasilkan bukti empirikal yang meyakinkan mengenai keberkesanan Pembelajaran Sosio-Emosi (SEL). Hasil kajian tersebut membuktikan bahawa SEL memberikan sumbangan yang ketara kepada tiga dimensi utama iaitu peningkatan pencapaian akademik pelajar, pembekalan kompetensi yang selari dengan keperluan pasaran buruh, serta penguatan perpaduan sosial dalam komuniti. Penemuan ini memperkukuh kedudukan SEL sebagai elemen penting dalam kerangka pendidikan kontemporari.

Botín (2013) telah menjalankan suatu penyelidikan kualitatif dengan menggunakan metodologi kajian kes perbandingan bagi menganalisis implementasi program kecerdasan emosi di lima buah negara yang berbeza, iaitu Argentina, Austria, Israel, Norway dan Afrika Selatan. Dapatan kajian tersebut berjaya memberikan pemahaman yang menyeluruh berkenaan variasi pelaksanaan pendidikan emosi dalam pelbagai konteks pendidikan. Walau bagaimanapun, perkembangan di Malaysia menunjukkan pola yang berbeza. Berdasarkan kajian literatur yang dijalankan oleh Ali dan Hassan (2021), didapati bahawa penyelidikan empirikal berkenaan Pembelajaran Sosio-Emosi (SEL) dalam sistem pendidikan negara masih berada pada tahap yang terhad dan belum mencapai perkembangan yang optimum.

Kajian yang dijalankan oleh Yusoff (2020) mendedahkan bahawa implementasi pendidikan kecerdasan emosi dalam konteks pendidikan Malaysia berdepan dengan pelbagai halangan yang ketara. Hasil penyelidikan tersebut menunjukkan bahawa tahap keberkesanan Pembelajaran Sosio-Emosi (SEL) di persekitaran bilik darjah tempatan masih belum mencapai standard yang diharapkan. Keadaan ini boleh dihubungkait dengan beberapa elemen asas yang memerlukan analisis yang lebih komprehensif.

Hasil analisis kajian ini secara jelas mencadangkan beberapa pendekatan strategik bagi meningkatkan kualiti sistem pendidikan. Pertama, wujud keperluan kritikal untuk memperteguh dan memperluaskan unsur-unsur kecerdasan emosi dalam struktur kurikulum semasa. Kedua, penyelidikan ini memberikan fokus khusus terhadap penyatuan aspek-aspek kecerdasan emosi dalam pedagogi pengajaran dan pembelajaran Matematik di sekolah menengah.

2.2. Prestasi Kerja

Perbincangan mengenai kompetensi profesional pendidik semakin mendapat perhatian utama dalam diskursus pendidikan global, khususnya pada era globalisasi yang memerlukan perubahan menyeluruh dalam sistem pendidikan. Dalam konteks Malaysia, isu berkaitan mutu pengajaran telah meningkat menjadi suatu agenda kebangsaan yang melibatkan pelbagai pemegang kepentingan, termasuklah para sarjana, perancang dasar, dan orang awam. Situasi ini timbul ekoran kesedaran yang semakin meluas tentang kedudukan penting guru dalam membentuk sumber manusia yang bukan sekadar memiliki ilmu pengetahuan, malah berpotensi menjadi pemacu utama dalam kemajuan sosioekonomi negara.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pada hakikatnya, usaha meningkatkan kualiti profesional pendidik tidak terhad kepada pencapaian standard kompetensi kerja semata-mata, malah merangkumi suatu inisiatif holistik yang memerlukan penglibatan menyeluruh semua pemangku kepentingan bagi melahirkan generasi celik ilmu, berintegriti tinggi, serta berkeupayaan menyumbang secara efektif kepada kemajuan negara.

Berdasarkan kerangka pendidikan negara, Model Standard Guru Malaysia mendefinisikan kompetensi profesional pendidik sebagai suatu bentuk komitmen untuk meningkatkan mutu profesionalisme dalam bidang keguruan. Takrifan ini mencakupi tiga komponen utama: Standard 1 merujuk kepada Pengamalan Nilai Profesional Keguruan yang melibatkan dimensi personal, profesional dan sosial yang perlu dimiliki setiap pendidik. Standard 2 membincangkan Penguasaan Pengetahuan dalam bidang pengkhususan, pedagogi, kurikulum serta aktiviti kokurikulum yang wajib dikuasai guru. Manakala Standard 3 menekankan Kepakaran dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran yang perlu menjadi kecekapan utama pendidik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Secara konseptual, prestasi profesional boleh dihuraikan sebagai integrasi pelbagai kompetensi termasuk kemahiran generik, teras, khusus dan peribadi yang merangkumi aspek kognitif, psikomotor dan afektif sebagai teras pelaksanaan tugas merentas pelbagai bidang (Campbell et al., 1993).

Berdasarkan penyelidikan Viswesvaran dan Ones (2000), prestasi profesional merupakan suatu konsep pelbagai dimensi yang terdiri daripada tiga elemen asas. Komponen pertama ialah dimensi kognitif yang melibatkan penguasaan terhadap teori dan konsep dalam bidang berkaitan. Komponen kedua merupakan dimensi kemahiran yang merujuk kepada kebolehan aplikatif dalam melaksanakan tanggungjawab kerja. Manakala komponen ketiga ialah dimensi pengalaman yang membentuk kebijaksanaan operasi individu. Ketiga-tiga faktor ini saling berkait dan berinteraksi secara sinergi bagi menghasilkan pencapaian kerja yang optimal.

Kraiger et al. (1993) menawarkan perspektif alternatif dengan menegaskan bahawa pencapaian kerja yang berkesan memerlukan penyatuan pelbagai sistem yang beroperasi secara bersepadu. Dalam konteks ini, kompetensi tidak terhad kepada penguasaan teknikal sahaja, malah merangkumi satu konsep yang lebih menyeluruh. Konstruk ini mencakupi penguasaan pengetahuan khusus dalam bidang tugas, etika profesional, serta kecekapan aplikatif yang kesemuanya dapat diukur berdasarkan kriteria prestasi yang telah disasarkan.

Model TPACK (*Technological Pedagogical Content Knowledge*) yang diperkenalkan oleh Kraiger et al. (1993) menyediakan suatu kerangka konseptual yang signifikan bagi memahami pertumbuhan profesional. Model tersebut mengidentifikasi tiga domain pengetahuan asas yang perlu dikuasai iaitu kompetensi teknologi, kemahiran pedagogi, dan penguasaan kandungan. Keunggulan model ini terletak pada kapasitinya untuk membezakan antara pengetahuan dan kebolehan yang dapat dikembangkan secara terancang dengan sikap intrinsik yang lebih kompleks untuk dibentuk dan dinilai.

Walaupun sukar dinilai secara numerikal, kualiti peribadi inilah yang sering membezakan antara individu yang unggul dengan mereka yang hanya mencapai tahap asas. Oleh itu, pembentukan kompetensi kerja yang menyeluruh harus merangkumi kedua-dua dimensi kemahiran teknikal dan keperibadian bagi melahirkan pakar yang benar-benar berkelayakan.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Berdasarkan kajian Parker et al. (2010), prestasi profesional merujuk kepada pencapaian kerja dari aspek kualitatif dan kuantitatif yang dihasilkan oleh seseorang individu dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Pencapaian ini mempunyai korelasi yang signifikan dengan persekitaran organisasi di tempat kerja serta atribut intrinsik individu berkaitan dimensi emosi dan kognitif. Dalam konteks keguruan, tiga kompetensi utama diperlukan untuk mencapai tahap prestasi yang optimum iaitu kompetensi personaliti, kompetensi interpersonal, dan kompetensi profesional yang merangkumi 12 dimensi prestasi seperti yang digariskan dalam kerangka prestasi guru Malaysia (Mat Said et al., 2023).

3. Metod Kajian

Penyelidikan ini menggunakan metodologi kuantitatif dengan menerapkan reka bentuk kajian tinjauan bukan eksperimental. Pemilihan reka bentuk penyelidikan ini didorong oleh keperluan untuk memperoleh data secara komprehensif dan terancang daripada populasi pendidik Matematik di Wilayah Tenggara Sabah. Seperti yang dijelaskan oleh Creswell dan Creswell (2017), pendekatan tinjauan amat relevan untuk penyelidikan yang bertujuan menganalisis hubungan antara konstruk psikologi seperti efikasi diri, kesedaran metakognitif dan kecerdasan emosi dengan kompetensi profesional guru dalam situasi pendidikan sebenar. Pendekatan ini turut dipilih berdasarkan kelebihannya dalam menyediakan kedua-dua data deskriptif dan inferens pada kos yang berpatutan.

Kawasan penyelidikan meliputi empat Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di Wilayah Tenggara Sabah, khususnya Tawau, Semporna, Kunak, dan Lahad Datu. Pemilihan lokasi kajian ini berlandaskan pencapaian akademik institusi pendidikan di bawah PPD berkenaan yang belum memenuhi sasaran Gred Purata Nasional SPM 4.80 seperti yang ditentukan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Kriteria kebolehaksesan, kepelbagaian ciri sosiodemografi, serta keselarasan dengan matlamat penyelidikan turut diambil kira sebagai faktor penentu dalam pemilihan lokasi kajian.

Subjek penyelidikan melibatkan kesemua 226 orang pendidik Matematik di peringkat menengah daripada sekolah kerajaan di Wilayah Tenggara Sabah yang memiliki kelayakan profesional dalam bidang pedagogi. Kriteria penyertaan merangkumi guru-guru yang memiliki diploma atau sarjana pendidikan dari institusi latihan perguruan yang diakreditasi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia serta sedang bertugas secara aktif. Keseluruhan populasi dijadikan responden kajian berdasarkan saiz populasi yang terhad dan bersifat homogen.

Teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dalam penyelidikan ini. Berdasarkan Etikan et al. (2016), pendekatan ini amat sesuai untuk populasi khusus yang sukar diakses. Pemilihan responden dilaksanakan berasaskan kriteria tertentu termasuk kelayakan profesional, tempoh pengalaman mengajar, dan kesesuaian dengan variabel penyelidikan. Seperti yang ditegaskan oleh Cohen (2018), kaedah persampelan bertujuan membolehkan penyelidik memilih subjek yang paling relevan bagi memenuhi tujuan kajian.

Alat kajian yang digunakan merangkumi satu set borang soal selidik yang diadaptasi daripada beberapa instrumen yang telah divalidasi. Pengukuran prestasi profesional menggunakan instrumen yang diubahsuai daripada Khazani (2005) yang berteraskan kerangka teori Sayles dan Stauss (1981). Tahap efikasi diri dinilai dengan menggunakan Skala Efikasi Guru (TES) hasil karya Gibson dan Dembo (1984), sementara kesedaran

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

metakognitif diukur melalui Inventori Kesedaran Metakognitif untuk Pendidik (MAIT) oleh Balcikanli (2011). Bagi mengukur kecerdasan emosi, penyelidikan ini menggunakan Skala Kecerdasan Emosi Pelbagai Faktor (MEIS) yang dibangunkan oleh Chien et al. (2010).

Proses analisis data melibatkan pelaksanaan analisis deskriptif dan inferensi statistik dengan memanfaatkan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 24. Interpretasi skor min dalam kajian ini mengikuti klasifikasi Sanger et al. (2007) iaitu: Rendah (1.00-2.33), Sederhana (2.34-3.66), dan Tinggi (3.67-5.00).

Aspek etika penyelidikan diberikan keutamaan yang tinggi dalam kajian ini. Kutipan data hanya dilakukan setelah memperoleh kelulusan rasmi daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPP) Kementerian Pendidikan Malaysia serta Pejabat Pendidikan Daerah yang berkaitan. Tatacara etika yang dipatuhi merangkumi iaitu memperoleh persetujuan bertulis daripada responden, menjamin kerahsiaan maklumat, dan memberikan penjelasan komprehensif mengenai matlamat penyelidikan. Instrumen kajian diedarkan melalui Penolong Kanan Kurikulum di setiap institusi pendidikan bagi memastikan keselarasan dengan protokol etika penyelidikan.

4. Hasil Kajian

4.1. Tahap Kecerdasan Emosi

Merujuk kepada analisis data yang dipaparkan dalam Jadual 1, tahap kecerdasan emosi pendidik Matematik di peringkat menengah wilayah Tenggara dinilai berdasarkan lima dimensi utama. Dapatan kajian menunjukkan skor min komposit kecerdasan emosi berada pada tahap tinggi, iaitu 3.68 (Sisihan Piawai=1.28).

Jadual 1: Tahap Kecerdasan Emosi

Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Keupayaan mengenal emosi kendiri	3.57	1.34	Sederhana
Keupayaan mengurus emosi kendiri	3.63	1.33	Sederhana
Motivasi kendiri	3.76	1.29	Tinggi
Keupayaan mengendalikan hubungan berkesan	3.72	1.29	Tinggi
Keupayaan mengenal emosi orang lain	3.72	1.30	Tinggi

Dua dimensi utama, iaitu kebolehan mengenal pasti emosi diri (Min=3.57, SP=1.34) dan kompetensi mengawal emosi diri (Min=3.63, SP=1.33), mencatatkan tahap pencapaian sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa meskipun para pendidik mempunyai kesedaran terhadap emosi mereka sendiri dan mampu mengawalnya, namun masih wujud keperluan untuk penambahbaikan dalam aspek-aspek tersebut.

Sebaliknya, tiga dimensi lain iaitu motivasi intrinsik (Min=3.76, SP=1.29), kompetensi mengurus hubungan interpersonal (Min=3.72, SP=1.29), serta kebolehan mengenal pasti emosi individu lain (Min=3.72, SP=1.30) menunjukkan pencapaian pada tahap tinggi. Dapatan ini membuktikan bahawa para pendidik memiliki dorongan dalaman yang kukuh, kemampuan membina interaksi yang produktif, serta sensitiviti terhadap keadaan emosi orang lain.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Secara holistik, meskipun tahap kecerdasan emosi pendidik Matematik berada pada paras tinggi, hasil analisis mengesyorkan perlunya peningkatan dalam aspek kesedaran dan pengawalan emosi diri bagi mencapai kesepaduan serta penguasaan kecerdasan emosi yang lebih komprehensif.

Merujuk kepada data statistik yang dipersembahkan dalam Jadual 2, tahap kecerdasan emosi pendidik Matematik di peringkat menengah wilayah Tenggara telah dinilai berdasarkan skor min indikator tertinggi dan terendah dalam konstruk kecerdasan emosi. Indikator yang mencapai skor min paling tinggi ialah "Saya tetap melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan meskipun tugas tersebut kurang menarik" (Min=3.88, SP=1.34), yang membuktikan wujudnya tahap dedikasi yang tinggi dalam kalangan pendidik walaupun berhadapan dengan tugas yang kurang diminati. Sebaliknya, indikator dengan pencapaian terendah ialah "Saya memahami secara mendalam maklumat yang boleh mempengaruhi diri saya" (Min=3.43, SP=1.56), yang mencerminkan tahap pemahaman yang terhad terhadap maklumat yang memberi kesan kepada diri mereka.

Jadual 2: Skor Min Tertinggi dan Terendah Kecerdasan Emosi

Tahap	No. Indikator	Indikator	Min Indikator	Sisihan Piawai
Tertinggi	CE20	Saya tetap melakukan tugasan yang diberikan walaupun ianya tidak menarik.	3.88	1.34
Terendah	CM7	Saya memahami maklumat yang dapat mempengaruhi diri saya.	3.43	1.56
Keseluruhan Nilai Min (45 indikator)			3.68	1.28

Hasil analisis deskriptif mendedahkan bahawa majoriti responden memiliki kompetensi yang memuaskan dalam mengenal pasti, memproses, serta mengawal emosi diri dan emosi individu lain dalam konteks pedagogi. Para pendidik menzahirkan kemampuan yang ketara dalam aspek-aspek berikut iaitu pengurusan tekanan, demonstrasi empati, komunikasi efektif, dan pembentukan hubungan konstruktif dengan pelajar, rakan sekerja, serta ibu bapa. Fenomena ini menggambarkan komitmen guru dalam mencipta ruang pembelajaran yang kondusif dan menyokong, sekaligus memupuk persekitaran di mana pelajar berasa dihargai dan terdorong untuk belajar.

4.2. Tahap Prestasi Kerja Guru

Jadual 3 memaparkan analisis tahap kompetensi profesional pendidik Matematik di peringkat menengah wilayah Tenggara. Hasil kajian menunjukkan skor min yang tinggi bagi semua dimensi penilaian, termasuk: (1) penguasaan pengetahuan profesional (Min=3.66, SP=1.16), (2) sikap kerja (Min=3.57, SP=1.17), (3) kapasiti membuat keputusan (Min=3.58, SP=1.16), (4) keupayaan delegasi (Min=3.60, SP=1.17), (5) kompetensi sikap kerja (Min=3.76, SP=1.30), (6) kemahiran perancangan (Min=3.58, SP=1.18), dan (7) kompetensi kepimpinan (Min=3.69, SP=1.14). Secara holistik, kesemua dimensi pembolehubah prestasi mencatatkan tahap tinggi dengan skor min komposit 3.61 (SP=1.09).

Jadual 3: Tahap Prestasi Kerja Guru

Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Pengetahuan Tentang Kerja	3.67	1.16	Tinggi

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sikap	3.57	1.17	Sederhana
Membuat Pertimbangan	3.58	1.16	Sederhana
Delegasi	3.60	1.17	Sederhana
Kecekapan Ciri-Ciri Sikap	3.76	1.30	Tinggi
Kebolehan Merancang	3.58	1.18	Sederhana
Kepimpinan	3.69	1.14	Tinggi

Analisis deskriptif statistik mendedahkan bahawa hanya dua daripada tujuh dimensi penilaian mencapai tahap tinggi, iaitu dimensi Kompetensi Sikap Profesional dan Kepimpinan, manakala dimensi-dimensi lain termasuk Pengetahuan Profesional, Sikap Kerja, Kemampuan Membuat Keputusan, Keupayaan Delegasi, serta Kemahiran Perancangan mencatatkan tahap sederhana.

Jadual 4 memaparkan analisis tahap prestasi profesional pendidik Matematik sekolah menengah di wilayah Tenggara berdasarkan skor min indikator tertinggi dan terendah dalam konstruk prestasi kerja. Dapatan kajian menunjukkan indikator "Saya menguasai aspek teori dalam melaksanakan tugas mengikut garis panduan rasmi" (Min=3.91, SP=1.28) mencatat skor tertinggi, manakala indikator "Pihak pentadbiran sentiasa berpuas hati dengan prestasi kerja saya" (Min=3.61, SP=1.29) mencatat skor terendah dalam penyelidikan ini.

Jadual 4: Skor Min Tertinggi dan Terendah Prestasi Kerja

Tahap	No. Indikator	Indikator	Min Indikator	Sisihan Piawai
Tertinggi	PK1	Saya tahu secara teori dalam melakukan kerja iaitu mengikut kehendak pekeliling (garis panduan kerja).	3.91	1.28
Terendah	PK18	Pihak pentadbiran sentiasa berpuas hati dengan hasil kerja saya.	3.41	1.29
Keseluruhan Nilai Min (29 indikator)			3.61	1.09

Hasil analisis deskriptif statistik menunjukkan bahawa sebahagian besar responden memiliki kompetensi profesional yang tinggi, disertai dengan komitmen dan dedikasi yang kuat dalam memacu kemajuan pendidikan. Pendidik berprestasi unggul menonjolkan kemahiran efektif dalam pelaksanaan pengajaran, pengurusan bilik darjah, serta interaksi dengan pelajar dan rakan sejawat. Tambahan pula, golongan pendidik ini berjaya mencipta suasana pembelajaran yang optimal dan berpotensi meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar.

5. Perbincangan

5.1. Tahap Kecerdasan Emosi

Kajian yang dijalankan mendapati bahawa kebanyakan guru Matematik di kawasan Tenggara Sabah mempunyai tahap kecerdasan emosi (EQ) yang sangat tinggi. Data analisis memperlihatkan skor purata yang stabil dan tinggi bagi semua aspek kecerdasan emosi yang dikaji, iaitu: kefahaman terhadap emosi sendiri, pengawalan emosi, dorongan dalaman, kecekapan dalam hubungan sosial, serta kepekaan terhadap perasaan orang lain. Secara menyeluruh, tahap kecerdasan emosi dalam kalangan peserta kajian ini menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kajian ini menganalisis lima konstruk utama bagi menilai tahap penguasaan guru Matematik di Zon Tenggara Sabah. Hasil kajian menunjukkan variasi dalam keupayaan responden terhadap setiap konstruk yang dinilai. Konstruk pertama, iaitu keupayaan mengenal pasti emosi diri, merekodkan nilai min dan sisihan piawai pada tahap sederhana. Hal ini menggambarkan bahawa kesedaran emosi dalam kalangan guru Matematik di kawasan berkenaan masih berada pada tahap pertengahan. Meskipun pengenalpastian emosi diri merupakan aspek penting dalam pembangunan kematangan emosi, dapatan ini menunjukkan bahawa masih wujud ruang untuk peningkatan dalam kalangan pendidik tersebut.

Konstruk kedua, iaitu kebolehan mengawal emosi diri, turut menunjukkan skor min dan sisihan piawai pada tahap sederhana. Hal ini membuktikan bahawa kompetensi pengurusan emosi dalam kalangan pendidik Matematik Zon Tenggara Sabah masih berada di peringkat pertengahan. Walaupun kebanyakan responden telah memiliki kesedaran emosi, namun kemahiran mengurus emosi secara berkesan masih memerlukan peningkatan memandangkan aspek ini amat kritikal dalam mengatur tindak balas emosi serta mengekalkan keseimbangan dalam pelbagai situasi.

Seterusnya, konstruk motivasi intrinsik mencatatkan nilai min dan sisihan piawai yang tergolong dalam kategori tinggi. Penemuan ini menunjukkan bahawa tenaga pengajar Matematik di wilayah tersebut mempunyai dorongan diri yang kuat, yang merupakan elemen penting dalam merealisasikan objektif yang telah ditetapkan. Skor yang memberangsangkan ini menggambarkan semangat dalaman yang tinggi untuk mengejar kecemerlangan baik pada peringkat individu mahupun profesional.

Selain itu, konstruk kemahiran interpersonal mencatatkan skor min dan sisihan piawai yang turut berada dalam kategori tinggi. Dapatan ini membuktikan bahawa secara umumnya, pendidik Matematik di Zon Tenggara Sabah memiliki kompetensi yang baik dalam mengendalikan interaksi sosial secara berkesan. Kemahiran sedemikian memainkan peranan penting dalam mewujudkan serta mengekalkan hubungan yang positif dan saling menguntungkan, baik dalam konteks profesional mahupun kehidupan seharian.

Indikator terakhir, iaitu kebolehan mengenal pasti emosi individu lain, turut mencatatkan nilai min dan sisihan piawai pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa para pendidik Matematik di Zon Tenggara Sabah mempunyai kompetensi yang baik dalam menganalisis serta memahami perasaan orang lain - suatu kemahiran penting dalam mengembangkan sifat empati dan kesedaran sosial yang menyeluruh. Secara keseluruhan, kajian ini telah menganalisis lima indikator utama dengan merujuk kepada skor min dan sisihan piawai yang diperoleh bagi menilai tahap penguasaan emosi dalam kalangan guru Matematik di wilayah berkenaan.

CE20, iaitu "Saya tetap melaksanakan tugas yang diberikan walaupun tidak menarik," mencatatkan skor min yang paling tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru Matematik di Zon Tenggara Sabah mempunyai motivasi yang kuat dalam menyelesaikan tugasan meskipun kurang menarik bagi mereka. Namun begitu, nilai sisihan piawai yang agak tinggi menunjukkan variasi dalam respons responden. Walaupun demikian, secara umum, skor min yang tinggi ini menggambarkan tahap komitmen yang teguh dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sebaliknya, indikator CM7 yang berbunyi "Saya memahami maklumat yang boleh mempengaruhi diri saya" mencatatkan nilai min yang paling rendah. Ini menunjukkan bahawa guru-guru Matematik di Zon Tenggara Sabah memiliki tahap kefahaman yang kurang optimum berkenaan maklumat yang memberi kesan kepada mereka. Nilai sisihan piawai yang tinggi pula mencerminkan wujudnya perbezaan yang signifikan dalam tahap pemahaman mereka terhadap maklumat tersebut.

Model Kecerdasan Emosi Bar-On (2007) menegaskan bahawa keupayaan untuk mengenal pasti serta mengawal emosi diri dan orang lain merupakan aspek fundamental dalam kecerdasan emosi. Penyelidikan ini menilai lima domain utama kecerdasan emosi bagi menilai tahap kompetensi guru-guru Matematik di Zon Tenggara Sabah berdasarkan analisis nilai min dan sisihan piawai.

Bagi dimensi pertama, iaitu kebolehan mengenal pasti emosi sendiri, skor min dan sisihan piawai yang diperoleh mencerminkan tahap kesedaran emosi yang sederhana dalam kalangan responden. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru berkenaan mempunyai pemahaman yang sederhana tentang emosi mereka sendiri. Meskipun kemahiran mengenal emosi diri merupakan prasyarat penting bagi kematangan emosi, dapatan kajian ini mengisyaratkan perlunya penambahbaikan. Penguasaan yang lebih baik dalam hal ini dapat menyumbang kepada pengurusan emosi yang lebih efektif serta meningkatkan kesejahteraan psikologi individu.

Dimensi kedua, iaitu kebolehan mengawal emosi diri, mencatatkan nilai min dan sisihan piawai pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru Matematik di Zon Tenggara Sabah memiliki kompetensi asas dalam mengurus emosi, namun masih memerlukan penambahbaikan untuk mencapai pengawalan emosi yang lebih optimum. Kemahiran pengurusan emosi yang efektif amat kritikal dalam menangani pelbagai situasi dengan lebih stabil, justeru hasil kajian ini mengesyorkan perlunya pelaksanaan pendekatan khusus bagi meningkatkan kemahiran berkenaan.

Dimensi motivasi intrinsik mencatatkan skor min dan sisihan piawai pada paras yang tinggi. Hal ini membuktikan bahawa tenaga pengajar Matematik di Zon Tenggara Sabah memiliki tahap dorongan kendiri yang ketara, suatu elemen kritikal dalam merealisasikan objektif yang ditetapkan. Skor yang memberangsangkan ini menggambarkan adanya semangat yang kukuh untuk mengejar kecemerlangan, baik dalam aspek kerjaya mahupun kehidupan peribadi, sekaligus menjadi petunjuk utama bagi pencapaian prestasi yang membanggakan.

Seterusnya, dari aspek kemahiran interpersonal, analisis menunjukkan nilai min dan sisihan piawai yang turut berada pada tahap yang tinggi. Fenomena ini mengesahkan bahawa majoriti pendidik Matematik di kawasan berkenaan mempunyai kompetensi yang memuaskan dalam mengendalikan interaksi sosial secara produktif. Kemahiran berkomunikasi ini amat signifikan dalam memupuk hubungan yang saling menguntungkan dan bersifat harmonis, sekaligus mencerminkan keupayaan mereka untuk berinteraksi secara konstruktif dalam pelbagai situasi sosial dan urusan profesional.

Aspek terakhir, kebolehan mengenal pasti emosi individu lain turut mencatatkan nilai min dan sisihan piawai pada tahap yang tinggi. Hal ini membuktikan bahawa pendidik Matematik di Zon Tenggara Sabah memiliki kompetensi yang baik dalam menganalisis serta memahami keadaan emosi orang lain. Kemahiran ini amat signifikan dalam

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mengembangkan sifat empati dan kesedaran sosial yang menyeluruh, di samping memudahkan pembentukan hubungan interpersonal yang lebih kukuh melalui pemahaman yang mendalam terhadap perspektif orang lain.

Berdasarkan analisis data kajian, konstruk inventori yang memperoleh skor min tertinggi ialah aspek ketekalan guru dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan meskipun tugas tersebut kurang menarik minat. Dapatan ini boleh ditafsirkan sebagai petunjuk bahawa guru-guru Matematik mempunyai motivasi intrinsik yang kuat untuk berusaha dengan gigih dalam mencapai aspirasi peribadi mahupun objektif organisasi. Motivasi intrinsik merujuk kepada kecenderungan psikologikal yang mendorong individu untuk merealisasikan sesuatu tujuan. Ciri-ciri utama motivasi ini termasuk semangat yang berkobar-kobar untuk mencapai kejayaan, komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap sasaran yang ditetapkan, sikap inisiatif dalam merebut peluang, serta ketabahan yang utuh dalam menghadapi pelbagai cabaran dan halangan semasa mengejar matlamat yang telah ditetapkan.

Bagi konstruk yang mencatatkan persepsi rendah, iaitu dalam aspek pemahaman terhadap maklumat yang mampu mempengaruhi diri individu, dapatan kajian ini boleh diinterpretasikan sebagai tahap pengurusan emosi dan kemampuan adaptasi psikologi yang kurang optimum. Hal ini merujuk kepada kebolehan individu untuk menerima realiti secara rasional serta menstabilkan emosi ketika berdepan dengan situasi tekanan secara positif dan produktif.

Interpretasi data penyelidikan ini mengukuhkan asas teori Kecerdasan Pelbagai yang diperkenalkan oleh Gardner (2006), terutamanya berkaitan perpaduan antara kecerdasan intrapersonal dan interpersonal sebagai teras kepada kecerdasan emosi. Sepertimana yang dijelaskan oleh Gardner (2006), pemilikan dan pengembangan kedua-dua jenis kecerdasan ini merupakan keperluan asas untuk penyelesaian masalah yang berkesan serta pencapaian prestasi yang unggul (Gardner, 2008).

Hasil kajian ini selari dengan Model Kecerdasan Emosi Bar-On (2006) yang menunjukkan bahawa guru-guru Matematik di Zon Tenggara Sabah memiliki kompetensi emosi dalam menangani pelbagai cabaran dan tekanan persekitaran. Selain itu, mereka juga menunjukkan keupayaan untuk mengenal pasti kemahiran bukan kognitif yang menyumbang kepada kejayaan dalam pelbagai aspek kehidupan profesional dan peribadi. Kemahiran ini diaplikasikan dalam proses pemilihan rakan sejawat serta pengembangan kemahiran pedagogi, di mana kesediaan untuk berubah dipengaruhi oleh tahap kesedaran diri yang tinggi - suatu sifat fleksibel yang berkait rapat dengan tahap kecerdasan emosi.

Analisis kajian ini juga mendedahkan bahawa kecerdasan intrapersonal guru Matematik di kawasan berkenaan boleh diklasifikasikan kepada tiga domain utama iaitu kesedaran emosi kendiri, pengurusan emosi diri, dan motivasi intrinsik. Dalam konteks kecerdasan interpersonal pula, didapati mereka menguasai dua komponen penting iaitu pengurusan hubungan efektif dan pemahaman emosi orang lain. Keempat-empat faktor sokongan iaitu sokongan kepimpinan sekolah, manfaat individu, kesesuaian konteks, dan efikasi perubahan turut mendapat persepsi positif pada tahap yang membanggakan dalam kalangan responden.

Dapatan kajian ini menunjukkan keselarasan dengan hasil penyelidikan Llinares (2021) yang mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi pendidik di institusi pengajian tinggi

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dengan penguasaan matematik. Kajian ini telah mengenal pasti trend penurunan dalam pencapaian pendidikan matematik dalam kalangan pelajar, sekaligus menekankan kepentingan penilaian terhadap kecerdasan emosi dan kompetensi profesional guru-guru matematik sebagai strategi untuk menangani isu ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru Matematik mengakui masih terdapat kelemahan dalam kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi perubahan yang bakal dilaksanakan. Hal ini dibuktikan melalui skor sederhana yang diperoleh dalam aspek kecerdasan emosi, merangkumi literasi emosi, kompetensi emosi, dan penerapan nilai serta sikap berasaskan emosi.

Menurut kajian Yazon dan Ang-Manaig (2020) yang bertajuk *'Kecerdasan Emosi Guru Sains dan Matematik: Pengalaman Malaysia'*, hasil penyelidikan mereka tidak selari dengan dapatan kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa skor keseluruhan kecerdasan emosi dalam kalangan responden wanita adalah lebih tinggi berbanding responden lelaki (Joseph & Newman, 2010). Berhubung dengan hubungan antara tempoh perkhidmatan dengan tahap kecerdasan emosi guru, dapatan kajian terhadap guru-guru di Portugal mengesahkan bahawa guru yang lebih berpengalaman cenderung menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang lebih rendah (Hen & Sharabi, 2014).

Kajian tersebut juga mendapati bahawa guru dengan pengalaman mengajar kurang daripada enam tahun memiliki keupayaan persepsi emosi yang lebih baik serta lebih berkesan dalam mengawal emosi negatif sambil mengekalkan emosi positif, berbanding dengan rakan sejawat yang telah berkhidmat melebihi enam tahun (Hen & Sharabi, 2014). Dari aspek kelayakan akademik, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa guru yang mempunyai latihan akademik yang lebih komprehensif cenderung lebih peka terhadap aspek emosi dalam profesion perguruan dan seterusnya mencapai tahap kecerdasan emosi yang lebih tinggi (Jennings & Greenberg, 2009).

Berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat percanggahan dengan hasil penyelidikan Corcoran dan Tormey (2013) yang mendapati tahap kecerdasan emosi guru Matematik di lokasi kajian mereka berada pada tahap sederhana. Hasil analisis menunjukkan bahawa 79.2% responden mengalami peningkatan tahap kecerdasan emosi seiring dengan peningkatan usia (Corcoran & Tormey, 2013). Faktor tempoh perkhidmatan turut dikenal pasti sebagai penyumbang positif terhadap tahap kecerdasan emosi guru.

Secara keseluruhan, analisis terhadap 45 indikator menunjukkan nilai min dan sisihan piawai yang menggambarkan tahap penguasaan guru Matematik Zon Tenggara Sabah berada pada paras sederhana dengan kecenderungan ke arah tahap tinggi. Walaupun wujud variasi dalam respons terhadap indikator-indikator tertentu, purata keseluruhan mencerminkan pencapaian yang memuaskan dalam konteks penilaian ini, dengan majoriti guru menunjukkan tahap penguasaan yang baik.

Hasil analisis kajian ini mengungkapkan bahawa tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru Matematik di Zon Tenggara Sabah menunjukkan variasi yang ketara merentas dimensi-dimensi yang dikaji. Dapatan kajian memperlihatkan prestasi yang memberangsangkan dalam aspek motivasi intrinsik, kemahiran mengurus hubungan interpersonal, serta keupayaan mengenal pasti emosi individu lain. Walau bagaimanapun, masih wujud ruang untuk peningkatan dalam dua aspek utama, iaitu kemahiran mengenali dan mengawal emosi diri sendiri dan keupayaan memahami maklumat yang mempengaruhi keadaan emosi peribadi.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kajian ini mendapati bahawa walaupun guru Matematik menunjukkan pencapaian sederhana dalam aspek pengenalan dan pengurusan emosi diri, mereka telah mencatatkan prestasi yang lebih tinggi dalam aspek motivasi serta menunjukkan kemahiran yang baik dalam pengurusan hubungan interpersonal dan pemahaman emosi orang lain. Dapatan ini mengesahkan bahawa sementara aspek intrapersonal memerlukan penambahbaikan, guru-guru tersebut telah mencapai tahap yang memuaskan dalam dimensi kecerdasan emosi interpersonal.

5.2. Tahap Prestasi Kerja Guru

Dapatan penyelidikan ini mengungkapkan bahawa skor purata bagi setiap konstruk yang dinilai berada pada tahap yang tinggi, khususnya dalam dimensi pengetahuan teori, sikap profesional, kemampuan membuat pertimbangan, kemahiran delegasi, kompetensi sikap, kebolehan perancangan, serta kemahiran pengajaran. Hal ini membuktikan bahawa secara umumnya, guru-guru Matematik di Zon Tenggara Sabah mempunyai persepsi yang optimistik terhadap aspek-aspek berkenaan. Walau bagaimanapun, penilaian komprehensif terhadap prestasi kerja mereka hanya mencapai tahap sederhana, yang menjustifikasikan keperluan penyelidikan lanjut untuk mengenal pasti faktor-faktor penyumbang kepada pencapaian tersebut. Kajian ini turut menganalisis enam konstruk utama dengan memanfaatkan nilai min dan sisihan piawai bagi menilai tahap penguasaan guru-guru tersebut dalam setiap domain yang dikaji.

Dalam aspek pengetahuan profesional, skor min yang diperoleh termasuk dalam kategori tinggi. Ini membuktikan bahawa guru Matematik di kawasan kajian mempunyai kefahaman yang mencukupi tentang tanggungjawab profesional mereka, meskipun masih wujud keperluan untuk memperkukuhkan pemahaman tersebut. Walaupun asas pengetahuan asas telah dikuasai, masih terdapat peluang untuk meningkatkan tahap kompetensi guru-guru ini dalam bidang berkenaan.

Berdasarkan dapatan kajian, sikap guru Matematik di Zon Tenggara Sabah mencatatkan skor purata pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun guru-guru tersebut telah menunjukkan komitmen yang baik terhadap tanggungjawab profesional, namun masih wujud keperluan untuk peningkatan yang lebih optima. Perkembangan positif dalam aspek sikap ini dijangka mampu menyumbang kepada peningkatan produktiviti serta kepuasan kerja yang lebih menyeluruh. Dalam aspek pertimbangan profesional, pencapaian berada pada tahap pertengahan, yang menggambarkan bahawa guru-guru tersebut mempunyai kemampuan asas dalam membuat keputusan kerja, tetapi masih memerlukan penambahbaikan dalam proses pengambilan keputusan untuk mencapai hasil yang lebih efektif.

Kajian turut menganalisis kemahiran delegasi dalam kalangan responden, dengan keputusan menunjukkan pencapaian pada tahap sederhana. Ini membayangkan bahawa walaupun guru Matematik di kawasan kajian mempunyai kemahiran asas dalam pendelegasian tugas, namun penguasaan pada tahap yang lebih tinggi masih perlu diperkukuhkan. Pengembangan strategi delegasi yang lebih efektif merupakan keperluan penting untuk meningkatkan kecekapan pengurusan tugas harian dan konstruk kecekapan sikap mencatatkan pencapaian dalam kategori tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden kajian memiliki kompetensi sikap kerja yang amat memuaskan, dengan kemampuan menunjukkan sikap yang positif serta proaktif dalam pelaksanaan tugas harian. Prestasi cemerlang dalam aspek ini mencerminkan kualiti profesionalisme yang baik dalam kalangan guru Matematik di zon berkenaan.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Berdasarkan analisis data, kebolehan perancangan guru Matematik di Zon Tenggara Sabah berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun mereka memiliki kompetensi asas dalam penyusunan rancangan pengajaran, namun masih wujud keperluan untuk peningkatan yang lebih menyeluruh. Penguasaan kemahiran perancangan yang lebih mantap dijangka mampu menghasilkan pelaksanaan tugas yang lebih efektif dan teratur.

Dalam aspek kepimpinan, guru-guru tersebut mencatatkan pencapaian yang menggalakkan dengan skor dalam kategori tinggi. Dapatan ini membuktikan kewujudan kompetensi kepimpinan yang baik dalam kalangan responden kajian, khususnya dalam aspek pengurusan pasukan dan penyediaan bimbingan. Kelebihan ini merupakan aset penting yang menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan tugas dan keberkesanan pengurusan bilik darjah.

Secara komprehensif, hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti konstruk berada pada tahap pertengahan, dengan pencapaian cemerlang dalam beberapa aspek khusus seperti kecekapan sikap dan kepimpinan. Namun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam bidang-bidang tertentu termasuk pengetahuan profesional tentang tugas pengajaran, sikap terhadap tanggungjawab kerja dan kemahiran merancang aktiviti pengajaran. Peningkatan dalam aspek-aspek ini diperlukan untuk mencapai tahap penguasaan yang lebih optimum dalam kalangan pendidik Matematik di kawasan kajian.

Berdasarkan pemerhatian data kajian, Indikator PK1 yang mengukur tahap keyakinan guru Matematik di Zon Tenggara Sabah terhadap penguasaan pengetahuan teori dalam mematuhi protokol kerja telah mencatatkan skor min yang paling tinggi berbanding indikator-indikator lain. Hasil penyelidikan ini turut mendedahkan bahawa sebahagian besar responden kajian memiliki persepsi positif terhadap kecukupan pengetahuan teori mereka untuk melaksanakan tanggungjawab profesional mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, nilai sisihan piawai yang agak tinggi menunjukkan wujudnya dispersi yang ketara dalam tahap penguasaan pengetahuan teori dalam kalangan populasi kajian. Fenomena ini membayangkan bahawa meskipun majoriti pendidik Matematik di kawasan tersebut menunjukkan keyakinan yang tinggi terhadap pengetahuan teori mereka, terdapat minoriti yang masih kurang yakin atau menghadapi kesukaran dalam menterjemahkan pengetahuan teori kepada amalan pedagogi yang berkesan.

Ketidaksamaan yang ketara ini menyarankan perlunya penyelidikan lebih mendalam untuk mengenal pasti faktor-faktor penyumbang kepada variasi tersebut, program pembangunan profesional yang lebih menyeluruh dan spesifik dan mekanisme sokongan yang lebih terperinci dan bersasar. Keadaan ini menuntut pendekatan yang lebih holistik dalam meningkatkan keseragaman kualiti pengajaran dalam kalangan pendidik Matematik di wilayah berkenaan.

Berdasarkan analisis data kajian, Indikator PK18 yang mengukur persepsi guru Matematik di Zon Tenggara Sabah terhadap kepuasan pihak pentadbiran terhadap hasil kerja mereka mencatatkan nilai min yang paling rendah berbanding indikator-indikator lain. Walaupun skor yang diperoleh masih berada dalam lingkungan positif, tahap kepuasan ini dianggap lebih rendah berbanding aspek-aspek lain yang dinilai. Sisihan piawai yang hampir setara dengan indikator lain menunjukkan wujudnya variasi yang ketara dalam persepsi guru-guru tersebut mengenai tahap kepuasan pentadbiran.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Fenomena ini berkemungkinan berpunca daripada ketidakjelasan dalam mekanisme penilaian prestasi atau kurangnya komunikasi yang efektif berkenaan kriteria penilaian yang digunakan. Justeru, penambahbaikan dalam sistem pengiktirafan dan peningkatan ketelusan komunikasi amat diperlukan untuk memastikan penilaian prestasi dilaksanakan secara lebih adil dan berkesan, sekaligus meningkatkan tahap kepuasan kerja dalam kalangan pendidik.

Di samping itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa skor purata tertinggi diperoleh dalam aspek pengetahuan teori berkaitan pelaksanaan tugas mengikut pekeliling perkhidmatan perguruan, yang membuktikan penguasaan teori yang mantap dalam kalangan guru Matematik berkenaan. Namun begitu, skor yang lebih rendah dicatatkan dalam aspek pengajaran, terutamanya yang melibatkan sikap kepatuhan terhadap peraturan dan polisi perkhidmatan pendidikan. Keadaan ini menggambarkan bahawa meskipun guru-guru tersebut memiliki kemampuan yang baik dalam perancangan dan pengurusan kerja, mereka masih menghadapi cabaran dalam memenuhi tuntutan kepatuhan dan memperoleh pengiktirafan yang sewajarnya. Penemuan ini menyarankan perlunya pendekatan yang lebih komprehensif dalam menangani isu-isu berkaitan pematuhan peraturan dan sistem penilaian prestasi di zon berkenaan.

Aspek kompetensi afektif, termasuk pengakuan sebagai staf berprestasi tinggi, keupayaan menyempurnakan tugas dalam tempoh ditetapkan, serta kesediaan meningkatkan kualiti kerja melalui tunjuk ajar, turut dianggap sebagai komponen penting. Dalam konteks pedagogi, pengawalseliaan tingkah laku murid memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik. Dapatan kajian ini konsisten dengan Teori Ekspektasi Vroom (1966) yang menegaskan bahawa tahap usaha yang lebih tinggi akan menghasilkan pencapaian yang lebih baik sekiranya wujud keyakinan bahawa prestasi cemerlang akan membawa kepada hasil yang diinginkan, termasuk bentuk pengiktirafan atau ganjaran material.

Kerangka konseptual yang dikemukakan oleh Vroom (1966) memberikan asas teoritikal yang kukuh untuk memahami korelasi antara faktor pendorong dan pencapaian seseorang. Model ini menekankan tiga komponen teras iaitu Ekspektasi - kepercayaan individu bahawa peningkatan usaha akan meningkatkan prestasi, Instrumentaliti - persepsi bahawa pencapaian baik akan memperoleh balasan, dan Valens - nilai subjektif yang diberikan individu terhadap ganjaran tersebut.

Analisis data kajian turut mendedahkan bahawa domain pengetahuan teori mencapai nilai purata yang paling tinggi, yang mencerminkan tahap keyakinan yang ketara dalam kalangan pendidik Matematik di Kawasan Tenggara Sabah terhadap penguasaan teori pengajaran mereka. Fenomena ini menyokong postulat Teori Ekspektasi yang menyatakan bahawa keyakinan terhadap kompetensi teori boleh bertindak sebagai katalis untuk meningkatkan komitmen dalam mencapai kecemerlangan profesional. Kepercayaan ini berfungsi sebagai motivasi intrinsik bagi pendidik untuk terus meningkatkan kualiti kerja, dengan harapan penguasaan teori yang mendalam akan menghasilkan outcome yang diinginkan seperti peningkatan status profesional atau pencapaian kerjaya.

Kompetensi afektif menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan berdasarkan skor penilaian yang diperoleh. Hal ini membuktikan bahawa pendidik Matematik di Zon Tenggara Sabah memiliki sikap yang konstruktif dan bersifat proaktif dalam

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

melaksanakan tugas profesional mereka. Berdasarkan prinsip Teori Ekspektasi, kecenderungan positif ini mencerminkan keyakinan dalam kalangan pendidik bahawa peningkatan usaha dalam membentuk sikap profesional akan memperoleh kompensasi yang setimpal, sekaligus berfungsi sebagai penguat motivasi kerja.

Dari segi kemahiran perancangan, pencapaian menunjukkan skor yang memuaskan, manakala kompetensi kepimpinan walaupun mencatatkan prestasi yang baik, masih mempunyai ruang untuk peningkatan yang lebih optimum. Merujuk kepada kerangka Teori Ekspektasi, kedua-dua dimensi ini merupakan elemen kritikal yang diyakini oleh pendidik Matematik bahawa peningkatan penguasaan dalam aspek tersebut akan menghasilkan pencapaian kerja yang lebih cemerlang dan seterusnya berpotensi untuk menerima bentuk pengiktirafan atau kemajuan kerjaya. Namun, skor purata yang sederhana yang diperoleh menunjukkan kemungkinan wujudnya ketidakjelasan berkaitan mekanisme penghubung antara prestasi dengan sistem ganjaran, atau mungkin juga nilai ganjaran yang ditawarkan tidak cukup signifikan untuk mendorong motivasi pendidik berkenaan.

Aspek sikap, delegasi, dan pertimbangan mencatatkan skor purata pada tahap sederhana. Berdasarkan Teori Ekspektasi, ketiadaan hasil yang memuaskan daripada peningkatan usaha dalam dimensi-dimensi ini boleh menjejaskan tahap motivasi pendidik Matematik di Zon Tenggara Sabah. Sebagai ilustrasi, apabila sikap positif tidak dikaitkan dengan sistem ganjaran yang jelas, kecenderungan guru untuk mempertahankan atau meningkatkan kualiti sikap mereka mungkin akan menurun. Situasi yang sama turut berlaku terhadap kemahiran delegasi dan pertimbangan - tanpa pengiktirafan yang bersesuaian, dorongan untuk menyempurnakan kompetensi ini mungkin akan mengalami pengurangan.

Analisis kajian turut mendedahkan bahawa meskipun penguasaan teori dalam kalangan pendidik Matematik berada pada tahap yang memuaskan, mereka masih berdepan dengan kesukaran dalam pelaksanaan pedagogi dan pematuhan terhadap protokol pengajaran. Merujuk kepada kerangka Teori Ekspektasi, pelaksanaan program latihan lanjutan berserta sokongan yang lebih komprehensif berpotensi untuk mengukuhkan keyakinan guru dalam aspek-aspek berkenaan, sekaligus diharapkan dapat meningkatkan prestasi menyeluruh serta tahap kepuasan profesional mereka.

Hasil penyelidikan ini turut mendedahkan bahawa pelaksanaan kaedah pengurusan yang lebih terstruktur dan bersistem dalam penilaian pencapaian mampu menyumbang kepada peningkatan motivasi serta kualiti output kerja. Hal ini selari dengan premis Teori Ekspektasi yang menitikberatkan perkaitan antara usaha, pencapaian, dan sistem ganjaran. Dapatan kajian ini juga sejajar dengan hasil penyelidikan Wyatt-Smith dan et al. (2022) yang membuktikan bahawa penilaian berkaitan perkembangan profesional memberikan impak konstruktif terhadap proses pembelajaran dan pengalaman pedagogi pendidik. Model TPACK (*Technological Pedagogical Content Knowledge*) yang menekankan penyatuan antara pengetahuan kandungan, pedagogi dan teknologi turut menyokong premis bahawa penguasaan kandungan Matematik, kaedah pengajaran dan aplikasi teknologi secara efektif dapat memaksimumkan keberkesanan proses pembelajaran.

Walau bagaimanapun, dapatan bertentangan diperoleh daripada kajian Alotaibi dan Almatham (2022) yang melaporkan tahap prestasi kerja yang rendah dalam kalangan pendidik Matematik peringkat menengah. Penyelidikan tersebut mengetengahkan

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

keperluan mendesak untuk penambahbaikan dalam pedagogi Matematik, terutamanya dari aspek komunikasi yang lebih berkesan dan penyempurnaan amalan pengajaran. Penemuan ini konsisten dengan Teori Kepuasan Ekspektasi Vroom (1966) yang menganggap motivasi sebagai faktor penggerak utama bagi individu untuk mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi (Middleton & Spanias, 1999).

Penyelidikan yang dijalankan oleh Hill et al. (2008) mendapati bahawa kompetensi perancangan dalam kalangan pendidik Matematik berada pada tahap yang sederhana, manakala konstruk pertimbangan pula direkodkan pada paras yang kurang memuaskan. Temuan ini berbeza dengan dapatan Tambunan dan Naibaho (2019) yang membuktikan pengaruh signifikan kemahiran berfikir aras tinggi terhadap kemampuan profesional guru.

Analisis perbandingan menunjukkan wujudnya percanggahan dengan beberapa kajian lepas yang melaporkan hanya segelintir pendidik Matematik sahaja yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Penyelidikan oleh Podkhodova et al. (2020) turut mengenal pasti kesukaran yang dihadapi oleh pendidik Matematik dalam aspek penyelesaian masalah matematik dan pelaksanaan pedagogi. Situasi ini menjustifikasikan keperluan pelaksanaan program latihan ikhtisas yang khusus untuk guru Matematik. Kajian perbandingan juga mendedahkan isu berkaitan infrastruktur, di mana pendidik di Sabah memerlukan sokongan yang lebih komprehensif serta peningkatan kemahiran untuk mencapai tahap prestasi kerja yang optimum.

Secara holistik, dapatan kajian ini memberikan wawasan signifikan tentang pengaruh penguasaan teori dan persepsi terhadap pengiktirafan terhadap tahap keyakinan diri serta kepuasan profesional dalam kalangan pendidik Matematik di Kawasan Tenggara Sabah. Nilai sisihan piawai yang tinggi bagi kedua-dua pembolehubah ini mencerminkan variasi yang ketara dalam pengalaman dan persepsi guru-guru berkenaan, sekaligus menyarankan keperluan mendesak untuk penambahbaikan dalam aspek komunikasi organisasi dan sistem penilaian prestasi. Antara langkah penambahbaikan yang perlu dilaksanakan termasuklah penjelasan yang lebih terperinci mengenai kriteria penilaian serta peningkatan dalam program sokongan dan latihan, dengan tujuan untuk mencapai tahap konsistensi dan kepuasan kerja yang lebih tinggi dalam kalangan pendidik Matematik di wilayah tersebut.

6. Kesimpulan

Hasil penyelidikan ini mengungkapkan bahawa pendidik Matematik di Kawasan Tenggara Sabah mencatatkan pencapaian kerja yang memuaskan, khususnya dalam domain pengetahuan teoritikal, kompetensi perancangan, serta kemahiran kepimpinan yang memperoleh skor penilaian yang tinggi. Namun demikian, penarafan menyeluruh terhadap prestasi kerja mereka masih berada pada tahap sederhana, dengan beberapa dimensi seperti kompetensi afektif, efikasi delegasi, dan kebolehan penyusunan rancangan memerlukan penyempurnaan. Kajian ini turut mengenal pasti bahawa walaupun penguasaan teori dalam kalangan responden berada pada tahap yang mantap, namun wujud perbezaan yang ketara dari segi tahap keyakinan diri serta kesukaran dalam mengimplementasikan pengetahuan teoritikal tersebut dalam konteks praktikal. Dari perspektif kecerdasan emosi, didapati bahawa guru-guru menunjukkan tahap yang membanggakan dalam motivasi intrinsik, kemahiran interpersonal, serta kepekaan terhadap emosi orang lain, meskipun masih terdapat keperluan untuk peningkatan dalam aspek kesedaran dan regulasi emosi diri. Secara holistik, penyelidikan ini memberikan

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

implikasi bahawa walaupun dimensi intrapersonal seperti kesedaran dan pengurusan emosi memerlukan tumpuan khusus, namun pendidik Matematik di wilayah ini telah menunjukkan kecemerlangan dalam kecerdasan emosi interpersonal yang amat kritikal dalam membina hubungan profesional dan mewujudkan persekitaran kerja yang harmonis.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Kebenaran dan persetujuan untuk menjalankan kajian telah diperoleh daripada semua peserta melalui kelulusan yang diberikan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia serta Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang terlibat

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua guru Matematik Zon Tenggara Sabah yang telah memberikan kerjasama serta komitmen dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang bentuk tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Ali, S. K. S., & Hassan, N. C. (2021). The scarcity of social-emotional learning research in Malaysian educational context: A systematic review. *Malaysian Journal of Learning and Instruction, 18*(2), 45-68.

Alotaibi, F. S., & Almatham, K. A. (2022). The performance level of Mathematics Teachers at The Secondary Level in Light of NCTM's Practices for Effective Teaching. *International Journal of Research in Educational Sciences (IJRES)*, *5*(4).

Anthony, G., & Walshaw, M. (2023). Characteristics of effective teaching of mathematics: A view from the West. *Journal of Mathematics Education*, 147-164.

Asyari, A. (2016). Kecerdasan Emosional Meningkatkan Kreativitas Guru Dalam Mengajar. *El-Hikmah: Jurnal Kajian Dan Penelitian Pendidikan Islam*, *10*(2), 179-188.

Backfisch, I., Lachner, A., Stürmer, K., & Scheiter, K. (2021). Variability of teachers' technology integration in the classroom: A matter of utility!. *Computers & Education*, *166*, 104159.

Balcikanli, C. (2011). Metacognitive awareness inventory for teachers (MAIT). *Electronic Journal of Research in Educational Psychology, 9*(3), 1309–1332.

Barbalet, J. (2011). Emotions beyond regulation: Backgrounded emotions in science and trust. *Emotion Review*, *3*(1), 36-43.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Barber, M., & Mourshed, M. (2007). *How the world's best-performing school systems come out on top*. McKinsey & Company.

Bar-On, R. (2006). The Bar-On model of emotional-social intelligence (ESI) 1. *Psicothema*, 13-25.

Bar-On, R. (2007). *The Bar-On model of emotional intelligence: A valid, robust and applicable EI model*. Organisations and People.

Boaler, J. (2015). *Mathematical Mindsets: Unleashing Students' Potential through Creative*. Wiley.

Botín, F. M. (2013). *Educación emocional y social: Análisis internacional: informe Fundación Botín 2013*. Fundación Marcelino Botín.

Brackett, M. A., Reyes, M. R., Rivers, S. E., Elbertson, N. A., & Salovey, P. (2011). Classroom emotional climate, teacher affiliation, and student conduct. *The Journal of classroom interaction*, 27-36.

Burić, I., & Kim, L. E. (2021). Job satisfaction predicts teacher self-efficacy and the association is invariant: Examinations using TALIS 2018 data and longitudinal Croatian data. *Teaching and Teacher Education*, *105*, 103406.

Campbell, J. P., McCloy, R. A., Oppler, S. H., & Sager, C. E. (1993). A theory of performance. *Personnel selection in organizations*, *3570*, 35-70.

Cherniss, C. (2000). *Emotional intelligence: What it is and why it matters* (p. 15). New Jersey: Rutgers University, Graduate School of Applied and Professional Psychology.

Chien, N. C., Howes, C., Burchinal, M., Pianta, R. C., Ritchie, S., Bryant, D. M., ... & Barbarin, O. A. (2010). Children's classroom engagement and school readiness gains in prekindergarten. *Child development*, *81*(5), 1534-1549.

Cohen, E. (2018). Stream sampling framework and application for frequency cap statistics. *ACM Transactions on Algorithms (TALG)*, *14*(4), 1-40.

Corcoran, R. P., & Tormey, R. (2013). Does emotional intelligence predict student teachers' performance?. *Teaching and teacher education*, *35*, 34-42.

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage publications.

Ekman, P. (1992). An argument for basic emotions. *Cognition & emotion*, *6*(3-4), 169-200.

Ertmer, P. A., & Ottenbreit-Leftwich, A. (2013). Removing obstacles to the pedagogical changes required by Jonassen's vision of authentic technology-enabled learning. *Computers & education*, *64*, 175-182.

Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American journal of theoretical and applied statistics*, *5*(1), 1-4.

Frijda, N. H. (1986). *The emotions*. Cambridge University Press.

Fullan, M., & Langworthy, M. (2014). *A rich seam: How new pedagogies find deep learning*. Pearson.

Gardner, H. (2006). *Changing minds: The art and science of changing our own and other peoples minds*. Harvard Business Review Press.

Gardner, H. (2008). *Multiple intelligences: New horizons in theory and practice*. Basic books.

Gardner, H. E. (2000). *Intelligence reframed: Multiple intelligences for the 21st century*. Hachette Uk.

Ghanizadeh, A., & Moafian, F. (2010). The role of EFL teachers' emotional intelligence in their success. *ELT journal*, *64*(4), 424-435.

Gibson, S., & Dembo, M. H. (1984). Teacher efficacy: A construct validation. *Journal of educational psychology*, *76*(4), 569.

Goleman, D. (2001). An EI-Based Theory of Performance. In C. Cherniss, & D. Goleman (Eds.), *The Emotionally Intelligent Workplace* (pp. 27-44). San Francisco, CA: Jossey-Bass.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Goleman, D. (2005). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. Bantam.

Hen, M., & Sharabi-Nov, A. (2014). Teaching the teachers: Emotional intelligence training for teachers. *Teaching education*, *25*(4), 375-390.

Hill, H. C., Ball, D. L., & Schilling, S. G. (2008). Unpacking pedagogical content knowledge: Conceptualizing and measuring teachers' topic-specific knowledge of students. *Journal for research in mathematics education*, *39*(4), 372-400.

Jennings, P. A., & Greenberg, M. T. (2009). The prosocial classroom: Teacher social and emotional competence in relation to student and classroom outcomes. *Review of Educational Research, 79*(1), 491-525.

Joseph, D. L., & Newman, D. A. (2010). Emotional intelligence: an integrative meta-analysis and cascading model. *Journal of applied psychology*, *95*(1), 54.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Blueprint 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Khazani, M. Z. M. (2005). *Hubungan antara Iklim Organisasi dan Prestasi Kerja di kalangan Guru Matematik Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia* (Doctoral dissertation, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya).

Kraiger, K., Ford, J. K., & Salas, E. (1993). Application of cognitive, skill-based, and affective theories of learning outcomes to new methods of training evaluation. *Journal of applied psychology*, *78*(2), 311.

Leong, K. E., Chew, C. M., & Rahim, S. S. A. (2015). Understanding Malaysian pre-service teachers mathematical content knowledge and pedagogical content knowledge. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, *11*(2), 363-370.

Llinares, S. (2021). Tensions and strengths in the research on mathematics teacher education and mathematics teacher practices. *Journal of Mathematics Teacher Education*, *24*, 529-531.

Marzano, R. J., Marzano, J. S., & Pickering, D. J. (2003). *Classroom management that works: Research-based strategies for every teacher*. ASCD.

Mat Said, A. R., Che Omar, M., Omar, N., & Ghazali, M. A. G. (2023). Meningkatkan pembangunan profesional dan kompetensi guru Kementerian Pendidikan Malaysia: Satu analisis kritis. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, *3*(1), 63-71.

Mayer, J. D., Salovey, P., & Caruso, D. R. (2008). Emotional intelligence: New ability or eclectic traits?. *American psychologist*, *63*(6), 503.

Middleton, J. A., & Spanias, P. A. (1999). Motivation for achievement in mathematics: Findings, generalizations, and criticisms of the research. *Journal for Research in Mathematics Education, 30*(1), 65-88. DOI: 10.2307/749630

Nye, B., Konstantopoulos, S., & Hedges, L. V. (2004). How large are teacher effects?. *Educational evaluation and policy analysis*, *26*(3), 237-257.

OECD. (2019). *An OECD learning framework 2030* (pp. 23-35). Springer International Publishing.

Parker, S. K., Bindl, U. K., & Strauss, K. (2010). Making things happen: A model of proactive motivation. *Journal of management*, *36*(4), 827-856.

Peterson, G. (2006). Cultural theory and emotions. In *Handbook of the sociology of emotions* (pp. 114-134). Boston, MA: Springer US.

Pianta, R. C., La Paro, K. M., & Hamre, B. K. (2008). *Classroom Assessment Scoring System™: Manual K-3*. Paul H. Brookes Publishing Co..

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Plutchik, R. (2001). The nature of emotions: Human emotions have deep evolutionary roots, a fact that may explain their complexity and provide tools for clinical practice. *American scientist*, *89*(4), 344-350.

Podkhodova, N., Snegurova, V., Stefanova, N., Triapitsyna, A., & Pisareva, S. (2020). Assessment of Mathematics Teachers' Professional Competence. *Journal on Mathematics Education*, *11*(3), 477-500.

Sanger, M. J., Brecheisen, D. M., & Hynek, B. M. (2007). Can computer animations affect college biology students' conceptions about diffusion & osmosis? *Journal of Research in Science Teaching, 44*(8), 1162-1186.

Sayles, L. R., & Strauss, G. (1981). *Managing human resources*. Prentice-Hall.

Stets, J. E. (2006). Identity theory and emotions. In *Handbook of the sociology of emotions* (pp. 203-223). Boston, MA: Springer US.

Tambunan, H., & Naibaho, T. (2019). Performance of mathematics teachers to build students' high order thinking skills (HOTS). *Journal of Education and Learning (EduLearn)*, *13*(1), 111-117.

Thorndike, E. L. (1913). *The psychology of learning* (Vol. 2). Teachers College, Columbia University.

Thorndike, E. L. (1920). Intelligence and its uses. *Harper's magazine*, *140*, 227-235.

Ugwuanyi, C. S., Okeke, C. I., & Asomugha, C. G. (2020). Prediction of Learners' Mathematics Performance by Their Emotional Intelligence, Self-Esteem and Self-Efficacy. *Cypriot Journal of Educational Sciences*, *15*(3), 492-50.

Viswesvaran, C., & Ones, D. S. (2000). Perspectives on models of job performance. *International Journal of Selection and Assessment*, *8*(4), 216-226.

Vroom, V. H. (1966). Organizational choice: A study of pre-and postdecision processes. *Organizational behavior and human performance*, *1*(2), 212-225.

Wang, Z., Bergin, C., & Bergin, D. A. (2014). Measuring engagement in fourth to twelfth grade classrooms: the Classroom Engagement Inventory. *School Psychology Quarterly*, *29*(4), 517.

Wyatt-Smith, C., Adie, L., Haynes, M., & Day, C. (2022). *Professionalizing teacher education: Performance assessment, standards, moderation, and evidence*. Routledge.

Yazon, A. D., & Ang-Manaig, K. (2020). Teachers' competency on the pedagogical content knowledge in mathematics. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE), 9*(4), 963–970. https://doi.org/10.11591/ijere.v9i4.20644

Yusoff, N. M. R. N. (2020). Pembangunan Kerangka Modul Pengajaran Matematik Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Sosial Dan Emosional (PSE). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, *45*(2), 24-35.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).